



16 - 29 FEBRUARI, 2024

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow




KEADAAN di Sungai Perai yang mana pasukan penyelam bersiap-sedia untuk memulakan kerja-kerja perlu.

# Sungai Perai, dedah cekal kerjaya penyelam komersial

PENYELAM memulakan kerja-kerja di Sungai Perai.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & WATAWA NATAF ZULKILFLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & SIEW CHIA EN**

**INSIDEN** paip bocor bawah dasar Sungai Perai beberapa kali bukan sahaja menyerlahkan komitmen Kerajaan Negeri serta Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dalam memperbaiki infrastruktur air negeri demi kesejahteraan rakyat teramai.

Malah, pada masa sama projek mengapit paip bocor atau Pelan A tersebut juga sekali gus menyerlahkan lagi kerjaya sebagai penyelam komersial yang begitu mencabar.

Penyelam komersial yang terlibat bukan sahaja perlu mempunyai kepakaran serta pengalaman jitu dalam selok-belok berkaitan ilmu elektrikal dan mekanikal, malah mesti ada hati yang kental untuk menyiapkan kerja-kerja kejuruteraan dalam arus sungai yang deras.

**MOHD. AMIRUL BADRI**, merupakan salah seorang penyelam komersial yang terlibat secara langsung dalam menyempurnakan kerja-kerja mengapit bahagian paip yang bocor di dasar Sungai Perai.

Dalam wawancara bersama-sama Buletin Mutiara pada 26 Januari 2024, Mohd. Amirul menzahirkan rasa syukur kerana pasukan penyelamnya berjaya menyelesaikan Pelan A iaitu kerja-kerja mengapit bahagian bocor pada paip sedia ada di dasar sungai, dalam tempoh kira-kira 14 jam 30 minit.

"Tugas kami adalah menyambung kerja-kerja yang telah dimulakan oleh satu pasukan penyelam (komersial lain sahaja).

"Kerja-kerja mula pada 2 (pagi) dan siap 4.30 (petang)… bermakna mengambil masa lebih 14 jam," jelasnya dalam nada sederhana ketika ditemui pada 26 Januari lalu.

Lebih 20 tahun bekerja sebagai penyelam bertauliah, Mohd. Amirul berkata beliau kini adalah Pengarah Urusan ABMC Synergy (M) Sdn. Bhd. yang berpangkalan di Lumut, Perak.

Bercerita lanjut mengenai pengalaman menyiapkan Pelan A PBAPP, beliau berkata paling mencabar adalah terpaksa mengharungi arus deras semasa 'mengikat' pengapit pada paip bawah dasar Sungai Perai tersebut.


*(Sambungan di muka 3).*

# PBAPP wajar naik taraf infrastruktur air demi kelangsungan masa depan

**SEBERANG JAYA** – Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) wajar menaik taraf infrastruktur berkaitan air jika mahu bekalan sumber itu terus mapan pada masa hadapan.

Pakar bidang pengurusan hidrologi, sumber air dan bencana dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), **PROF. CHAN NGAI WENG** berkata langkah itu juga dapat membantu Pulau Pinang mengawal risiko lebih banyak kehilangan air ketara (NRW) setiap hari di negeri ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai insiden paip sedia ada dan lama di dasar Sungai Perai yang beberapa kali bocor sebelum ini.



CHAN Ngai Weng.

"Projek pembinaan paip baharu yang merentasi atas Sungai Perai mesti disegerakan oleh pihak berkuasa air negeri.

"PBA dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mesti menaik taraf infrastruktur air (yang mana) paip bawah dasar Sungai Perai hendaklah diganti dengan paip baharu di darat," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** ketika dihubungi pada 16 Disember 2023.

Bagi mengawal NRW pula, beliau berkata adalah tidak memadai hanya dengan menaik taraf sistem paip sedia ada, melainkan mesti dilengkapkan dengan kemudahan pengesanan berkomputer pada risiko kebocoran serta sistem responsif manusia yang lebih efisien.

Di samping itu, beliau berpendapat bahawa permohonan PBAPP supaya tarif air negeri disemak adalah wajar sebagai langkah pemulihan kos berkaitan pembangunan infrastruktur serta pengeluaran bekalan itu supaya terus mapan pada masa hadapan.

Menganggap jaminan keselamatan bekalan air adalah isu global serta bukan sahaja didepani di Pulau Pinang, beliau berkata rakyat tempatan sewajarnya 'sanggup membayar' bagi mendapatkan perkhidmatan bekalan air terbaik daripada PBAPP.

"Jika seseorang tidak sanggup membayar sedikit kenaikan tarif air, tetapi mahukan air berkualiti 24 jam atau tujuh hari seminggu dan tidak mahu menanggung sebarang risiko gangguan bekalan air, maka lebih baik mereka sedar dengan realiti ini.

"Bekalan air adalah isu global yang serius yang menjejaskan hampir semua negara yang mana pemotongan air adalah perkara biasa dan selalunya tidak dapat dielakkan," jelasnya lagi.

Sebagai inisiatif PBAPP dalam melaksanakan projek pengukuhan jaminan bekalan air negeri, beliau berkata setiap pengguna di Pulau Pinang juga seharusnya menaik taraf sistem perbekalan air di premis masing-masing.

Beliau mencadangkan pengguna Pulau Pinang melaksanakan beberapa perkara, iaitu:-

- Pasang tangki air tambahan dan sistem penuaian hujan.
- Pasang sistem penuaian hujan yang mana air hujan yang dituai boleh digunakan untuk mencuci, menyiram dan berkebun.
- Simpan air dalam tangki dan bekas besar untuk digunakan semasa gangguan.
- Beli dan simpan air minuman berbotol secukupnya dan lain-lain.

## Pakar NAHRIM saran perlu 'lembaga' kawal selia air sungai negeri

**KIRA-KIRA** 30 lembangan sungai sepanjang 501 kilometer (km) yang terdapat dalam sempadan negeri Pulau Pinang, jika dituai menjadi air terawat, dikatakan mampu membekalkan sebanyak 6,546 juta liter sehari (MLD) serta jauh lebih banyak daripada 1,400 MLD yang diperlukan ketika ini.

Mengulas lanjut, Pengarah Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), **DATUK PROF. DR. IR. NASEHIR E.M. YAHAYA** berkata bahawa rancangan merawat sumber air mentah dari lembangan sungai yang telah sedia berada dalam sempadan negeri Pulau Pinang itu juga dapat mengurangkan kebergantungan keterlaluan pada sumber air mentah dari Sungai Muda yang berhulu di Kedah, di samping berusaha merealisasikan idea Projek Air Perak – Pulau Pinang.

"Jumlah sungai yang direkodkan di negeri Pulau Pinang setakat ini ada 165 batang, ada lagi sungai lain tetapi belum dikira (direkodkan), dengan panjang keseluruhan kira-kira lebih 500 km.

"Ada 30 lembangan sungai di Pulau Pinang, contohnya di Seberang Perai ada Sungai Muda, Sungai Perai, Sungai Juru, Sungai Jawi dan Sungai Kerian yang semuanya menyumbang sebanyak 3,000 hingga 4,000 MLD air.

"Itu, tidak termasuk sungai kecil-kecil, ada lebih kurang 20 lembangan sungai yang mana lembangan terbesar adalah Sungai Pinang, ada kajian menunjukkan Sungai Pinang menyumbang lebih 1,200 MLD.

"Jadi, tidak boleh ambil mudah, perlu ada usaha yang keras untuk memastikan sumber air mentah di semua lembangan sungai negeri ini terus dipelihara dan dipulihara," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** pada 17 Januari 2024.

Dalam konteks negeri ini, beliau berpendapat bahawa Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) perlu kembali melaksanakan skop kerja hakikinya sebagai operator air, iaitu merawat air mentah dari lembangan sungai negeri mengikuti piawaian Kementerian Kesihatan (KKM), kemudian memastikan proses pengagihan air bersih dan berkualiti kepada pengguna termasuk di kawasan hujung paip agihan (EoL) terus diperbaiki lagi.

"Dalam konteks Pulau Pinang, PBAPP adalah operator



PROF. Dr. Ir. Nasehir E.M. Yahaya

air, sementara badan kawal selia air mentah telah wujud secara langsung di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, ketika ini sebagai sebuah unit yang 'kecil'.

"Sehubungan itu, Unit atau Bahagian Kawal Selia Air Pulau Pinang sepatutnya diberikan tenaga, perlu ada enakmen khusus yang memberi kuasa kepadanya untuk berperanan mengawal kualiti air mentah dari segi kuantiti serta kualiti di sempadan negeri ini," ulasnya lagi sambil mencadangkan penubuhan *Penang Water Authority* (PENAWAR) lengkap dengan suatu enakmen baharu berkaitan.

Dengan penubuhan lembaga seperti 'PENAWAR' ini, beliau menyatakan bahawa PBAPP boleh menumpukan kepada usaha mengukuhkan pelan jaminan keselamatan air negeri untuk tempoh 20 tahun akan datang, dari segi infrastruktur dan perkhidmatan berkenaan sumber berkualiti kepada pengguna.

"Jadi, PBAPP boleh bertanggungjawab untuk membekalkan air bersih sahaja, kerana ada lembaga lain dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia sumber air (mentah) di seluruh negeri ini," jelasnya.

Bercerita lanjut, beliau memberitahu bahawa bandar raya Tokyo, Jepun umpamanya pihak berkuasa air di sana telah lama membina sistem kolam takungan bawah tanah untuk menahan limpahan air hujan serta risiko banjir, yang mana lambakan sumber tersebut kemudiaannya diproses serta dirawat menjadi air minum.

"Dari segi reka bentuk kejuruteraan, macam di Sungai Perai yang mempunyai sumber air mentah begitu banyak, 'lembaga' yang dipertanggungjawabkan untuk kawal selia air negeri ini perlu berusaha melaksanakan projek kolam-kolam takungan bersiri (di bawah tanah) di sepanjang sungai tersebut bagi menyimpan lebih banyak air mentah (untuk dirawat oleh PBAPP dari semasa ke semasa).

"Pada masa masa sama, 'lembaga' ini juga mesti secara proaktif menangani punca-punca pencemaran di hulu (lembangan sungai).

"Air yang dirawat PBAPP boleh digunakan untuk minum dan makan, sementara lambakan air hujan yang diperangkap dalam kolam takungan bawah tanah ini dapat dimanfaatkan untuk kemudahan di tandas dan sebagainya," ujarnya sambil berpendapat bahawa pelan tersebut menjimatkan kos dan sumber.

Mengakhiri wawancara, Nasehir mengesyorkan Kerajaan Negeri serta kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) memberikan subsidi untuk mewujudkan sistem penuaian air hujan bagi kawasan-kawasan perumahan baharu.

"Penggunaan limpahan air hujan sebagai kegunaan domestik ini, sebenarnya kita masih 'di belakang' sungguhpun kajian berkaitan yang dibuat adalah pada tahap tinggi," katanya sambil memberitahu bahawa polisi berkaitan akan mengurangkan lagi kos utiliti sekalian pengguna.

(*Sambungan dari muka 1*).



RAKAMAN gambar kenangan pasukan penyelam bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri serta PBAPP.

# 'Mata di jari'

"Kerja-kerja dalam sungai mula dari 2 pagi hingga 5.30 pagi, kami terpaksa berhenti sebab arus terlalu kuat.

"Sekitar 8.15 pagi (26 Januari 2024), kami sambung kerja-kerja pemasangan pengapit berdiameter 1,450 milimeter (mm) dengan pakai skru sahaja…tiada kerja-kerja kimpalan dilakukan…sampai siap kerja ini sekitar 4.30 petang," ujarnya lanjut.

Menurut beliau, melihat kebocoran beberapa bahagian pada paip sedia ada di dasar sungai itu, sepatutnya pengapit sepanjang 3 meter (m) digunakan dalam projek Pelan A.

"Kalau pakai pengapit 3m, boleh tutup (bahagian bocor) lebih rapat.

"Oleh sebab kesuntukan masa untuk menyiapkan projek ini, kami menyambung kerja yang telah dilakukan oleh pasukan penyelam sebelum ini.

"Apa yang ada, kita 'pakai', kita tidak perlu buang masa lagi sebab rakyat Pulau Pinang sudah terjejas disebabkan gangguan bekalan air," ulasnya sambil memuji usaha syarikat operator air negeri dalam melaksanakan rancangan gangguan bekalan air berjadual baru-baru ini.

Lahir serta membesar di Lumut, Perak, Mohd. Amirul menyatakan bahawa semua kerjaya termasuk penyelam komersial memang ada cabaran tersendiri.

"Sejak kecil lagi, memang saya sangat dekat dengan laut, selalu tengok ragam nelayan alami enjin jatuh laut, masalah pukat dan sebagainya, dari situ timbul minat untuk membantu mereka dan ceburi bidang menyelam ini.

"Saya mula kerja-kerja selam ini masa umur 18 tahun lagi, sampai sekarang, tertubuhnya syarikat yang mana (syarikat) kami memang buat kerja secara percuma kalau melibatkan nelayan seperti enjin hilang, vesel terbalik dan sebagainya.

"Sampai sekarang, memang syarikat kami menawarkan perkhidmatan tersebut kepada nelayan sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Selain itu, perkhidmatan lain termasuklah mencuci tukun dan membersihkan *ghost net* atau jala-jala rosak yang berada di dasar laut juga kami lakukan," ujarnya.

Difahamkan, pasukan penyelam ABMC Synergy (M)


MOHD. Amirul Badri.

Sdn. Bhd. yang terlibat dalam kerja-kerja penyudah Pelan A adalah seramai 23 orang.

Mohd. Amirul memberitahu bahawa hanya satu kumpulan penyelam komersial yang terdiri daripada 10 orang termasuk seorang '*supervisor*' terlibat dalam kerja-kerja di dasar Sungai Perai, sementara yang lain adalah pembantu mekanikal.

Melihat kekeruhan air Sungai Perai, beliau menyatakan bahawa paling penting bagi penyelam komersial adalah 'mata di jari'.

"Kekeruhan air sungai tersebut berada pada tahap sifar atau tidak mampu dilihat dengan mata kasar.

"Memang meraba-raba sajalah masa buat kerja-kerja mengapit semula paip tersebut.

"(Dan) dari awal kerja-kerja seperti penilaian kerosakan, pelan membaiki dan menurunkan kepingan besi untuk tutup kebocoran, sesuaikan kedudukan dan mengunci pengapit itu… memang dalam keadaan *zero visibility*.

"Untuk menurunkan kepingan itu sendiri ada kaedah-kaedah tersendiri, banyak libatkan pengiraan sebab kita tahu arus sungai juga kuat, jadi perlu ketelitian ketika melaksanakan kerja-kerja mengapit terbabit," jelasnya yang turut terkejut dengan kewujudan buaya di sungai terbabit.

Bercerita mengenai proses pemasangan pengapit, Mohd. Amirul berkata bahawa ia memerlukan empat penyelam untuk melaksanakan tugasan itu dan teknik tersebut adalah cara yang *cost effective* selain cepat serta selamat.

"Bagi melakukan kerja-kerja melibatkan keadaan bawah permukaan air, seseorang itu perlu memiliki kelayakan minimum *Commercial Divers Network* (CDN) melibatkan *air supply* (pengudaraan), *cutting* (potong), *welding* (kimpal) dan lain-lain lagi.

"Bidang ini lain sikit, masuk sahaja terus kena jadi doktor pakar, CDN ini ramai sikit berbanding penyelam teknikal.

"Biasanya kerja di darat ini kita nampak, masuk dalam air lain, kadang-kadang apa yang dibincang dekat atas, apabila turun ke bawah tidak sama.

"Jadi bayaran setimpal dengan risiko, nak kata kaya sangat itu tidaklah, bergantung kepada kepakaran, bayaran yang selalu ditawarkan adalah RM350 sehari sehingga RM700 sehari, bayaran hingga RM1,200 pun ada juga," ulasnya yang turut mengambil berat aspek kesihatan diri dalam melakukan kerja-kerja menyelam.

Difahamkan, renjatan elektrik di bawah permukaan air antara situasi perlu didepani oleh penyelam yang melakukan kerja-kerja melibatkan kimpalan serta pemotongan besi.

Maka, atas sebab itu juga menjadikan aspek kesihatan amat penting dalam menentukan kemampuan seseorang untuk bekerja di bawah permukaan air pada kedalaman tertentu.

Sementara itu, bagi jurulatih menyelam, **LEFTENAN MUDA SEW YONG CHING**, kerja-kerja mengapit paip air di dasar Sungai Perai mencabar kerana faktor arus sungai begitu deras.

"Faktor hujan lebat adalah salah satu (sebab kerja terpaksa dihentikan sementara).

"Kebiasan kalau air pasang, paras air naik antara 1 meter (m) hingga 1.5m, tapi kalau bulan penuh (menurut kalendar Cina), ia akan


SEW Yong Ching.

tambah 1m lagi menjadi 2.5m.

"Kedalaman sungai baru-baru ini mencecah hampir 7.5m," jelasnya.

Pun begitu, Yong Ching memberitahu bahawa penyelam bertauliah dan terlatih memang boleh diberikan tanggungjawab melaksanakan kerja-kerja berwajib di dasar sungai itu

"Seseorang yang ingin memiliki kelayakan CDN perlu terlebih dahulu mempunyai kelayakan skuba di perairan terbuka.

"Apa yang berlainan adalah menyelam menggunakan mulut untuk bernafas manakala di darat kita gunakan hidung, itu prinsip asas.

"Kalau skuba biasanya hanya empat hari boleh selesai, untuk CDN memerlukan 15 hari (untuk diberi kelayakan).

"Sungguhpun empat hari (skuba biasa), penyelam perlu lulus sekurang-kurangnya 17 daripada 24 disiplin yang dikenakan semasa kursus sebagai langkah keselamatan kepada penyelam," jelasnya yang turut menawarkan 13 latihan membabitkan keselamatan.

Tambah Yon Ching, penting untuk setiap penyelam menjalankan pemeriksaan kesihatan secara tahunan bagi memastikan mereka cergas dan layak untuk melaksanakan kerja-kerja berkaitan.

"Antara disiplin lain termasuklah pemeriksaan kecergasan, pernafasan, imbangan tubuh badan dan lain-lain yang mana menjadi keutamaan dalam soal keselamatan nyawa," ulasnya.

# Bangunkan semula
# Kampung Manis

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMMAD AMIR IRSYAD OMAR & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN** - Perbadanan Aset Keretapi (RAC) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama dengan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) bagi membangunkan semula Kampung Manis dekat Perai menerusi kaedah usaha sama.

MoU tersebut ditandatangani di antara Ketua Pegawai Eksekutif RAC, Datuk Azhar Ahmad dan Pengurus Besar LPNPP, 'Ainul Fadhilah Samsudi sambil disaksikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan Menteri Pengangkutan Malaysia, Anthony Loke Siew Fook.

Ketika berucap, Kon Yeow berkata bahawa pemeteraian MoU tersebut menyaksikan kerjasama sulung di antara RAC dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membangunkan projek Rumah Mampu Milik (RMM) di atas Lot 286, Bandar Perai yang juga dikenali sebagai Kampung Manis.

Beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi berkata MoU juga boleh diterjemah kepada Memorandum Perjanjian (MOA) sekiranya terdapat keperluan tambahan setelah *Request for Proposal* (RFP) dimuktamadkan kelak.

"Pembangunan di kawasan ini dilihat secara holistik memandangkan LPNPP mempunyai cadangan untuk membangunkan tapak berhampiran di atas Lot 671, Bandar Perai yang berkeluasan 9.33 ekar dan terletak 1.2 kilometer (km) dari tapak tersebut.

"Malah, pembangunan secara menyeluruh adalah penting kerana kawasan ini merupakan lokasi kediaman tidak terancang, tidak mempunyai sistem perparitan sistematik yang menjurus kepada masalah banjir.

"Justeru, pembangunan keseluruhan bagi kedua-dua projek RAC dan LPNPP di kawasan ini akan dapat menukar wajah penempatan sedia ada kepada pembangunan perumahan yang lebih teratur dan efisien demi kesejahteraan masyarakat setempat," katanya dalam majlis memeterai MoU tersebut di sini 16 Januari lalu.

Turut hadir, Exco Perumahan dan Alam Sekitar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Dato' Seri S. Sundarajoo; Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia, Dato' M. Jana Santhiran; ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad; Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Tan Cheng San serta Ahli Lembaga Pengarah LPNPP.



**KETUA Menteri bersama-sama Anthony Loke Siew Fook (barisan depan, tiga dari kanan) dan S. Sundarajoo (barisan depan, kanan sekali) meneliti pelan pembangunan Kampung Manis sejurus pemeteraian MoU antara RAC dan LPNPP di sini baru-baru ini.**

Kon Yeow berkata, pembangunan semula Kampung Manis juga dapat memacu pertumbuhan ekonomi dengan ruang-ruang komersial yang dapat menjana pendapatan serta peluang pekerjaan selain penyediaan pembangunan lebih terancang dengan laluan trafik yang lebih lancar.

"Sinergi di antara gabungan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang bersatu padu dalam membangunkan Kampung Manis ini adalah untuk manfaat rakyat negeri Pulau Pinang.

"Justeru, saya berharap agar projek perintis pembangunan semula Kampung Manis akan membuka lebih banyak ruang untuk kolaborasi di antara RAC dan Kerajaan Negeri pada masa akan datang," katanya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Sementara itu, Siew Fook berkata pemeteraian MoU tersebut akan menyaksikan tiga bidang tanah milik RAC di Kampung Manis bakal berubah wajah daripada perkampungan setinggan kepada sebuah kawasan membangun yang moden dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk pusat-pusat komersial.

"Konsep pembangunan yang akan direncanakan di atas tanah ini kelak bukan semata-mata mengetengahkan aspek komersial, malah terdapat komponen-komponen lain seperti hab pengangkutan, peruncitan, institusi pendidikan dan yang paling penting adalah perumahan.

"Kesemua komponen ini penting untuk mewujudkan sebuah kawasan yang membangun, yang akan memberi impak langsung kepada perkembangan sosio ekonomi dan mobiliti penduduk selain meningkatkan kebolehhunian ke arah gaya hidup yang lebih berkualiti.

"Oleh itu, peranan LPNPP adalah penting dalam membantu penyusunan semula penduduk-penduduk sedia ada di Kampung Manis dapat dilaksanakan dengan berkesan," katanya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menoktahkan pelbagai isu yang membelenggu lebih 289 keluarga di Kampung Manis melalui rancangan pembangunan semula kawasan tersebut.




**RAKAMAN keadaan di Kampung Manis pada September 2023.**

# Reka bentuk baharu Pasar Awam Bukit Mertajam



GAMBAR dari hadapan kompleks dua tingkat Pasar Awam Bukit Mertajam yang dikatakan sebagai mercu tanda pembangunan awal sejak era 1970-an di Bandar Bukit Mertajam.

**DIBINA** pada 1970-an, Pasar Awam Bukit Mertajam boleh dikatakan sebagai salah satu mercu tanda yang menjadi kebanggaan sekalian penduduk di sekitar pekan lama tersebut.

Pada 4 Januari 2024, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming mengumumkan kelulusan RM24 juta peruntukan dalam *Rolling Plan 3*, 2023, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi membangunkan semula pasar awam tersebut.

Manakala Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad pula menyatakan bahawa pentadbirannya dengan kerjasama Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) menganjurkan Pertandingan Reka Bentuk Seni Bina Pasar Awam Bukit Mertajam.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** bersama-sama jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berpeluang untuk mendapatkan maklum balas serta harapan daripada para peniaga dan pengunjung pasar ini.

Seperti diketahui umum, suasana pada sebelah awal pagi agak sesak terutama di bahagian yang menjual ikan, udang, ketam dan sayur-sayuran.

Beberapa lori pemborong yang parkir di bahu jalan untuk memunggah barang-barang niaga menambahkan lagi kesesakan trafik di Jalan Pasar dekat sini.

Bahagian pasar awam yang agak kurang sesak tadi barangkali tempat menjual daging lembu sahaja.

Mula berniaga daging pada tahun 1983, **MOHAMAD AZHAR AHMAD**, 63, menyatakan bahawa pihaknya berharap dalam reka bentuk pasar raya baharu ini nanti, paling penting ada kemudahan memunggah barang-barang niaga.

"Oleh kerana pasar awam ini dibina pada tahun 1970-an, reka bentuk seni bina pasar ini mungkin mengambil kira keperluan aktiviti perniagaan pada waktu itu, maka kemudahan memunggah barang yang lebih baik memang tidak ada.

"Akibatnya, kita dapat melihat bagaimana keadaan trafik sesak di Jalan Pasar ini, lori pemborong di parkir bertindih dengan kereta atau motosikal pengunjung.

"Itu, belum kira lagi parkir terhad, yang mana rata-rata pengunjung tempatan biasanya akan menunggang motosikal untuk membeli-belah di sini," jelasnya sambil menyambut baik syor pembangunan semula Pasar Awam Bukit Mertajam.

Seorang lagi penjual daging segar, **RAHMAH HASSAN**, 58, berkongsi bahawa paling penting reka bentuk baharu Pasar Awam Bukit Mertajam adalah menepati realiti serta cita rasa peniaga dan pengunjung.

"Bagi sesetengah pihak, mereka mungkin berpendapat bahawa struktur sedia ada pasar awam ini wajar dipelihara dan dipulihara kerana ada nilai warisan ketara.

"Kalau ditanya kepada sesetengah peniaga yang hari-hari berniaga di sini, mereka mungkin menggelar pasar ini sebagai 'Mini Hanoi' atau 'Mini Dhaka' kerana kebanjiran warga asing sebagai pekerja buruh dan sebagainya.

"Kalau ada cadangan membina pasar awam bertingkat pun selepas ini, saya harap lot kedai disediakan sesuai dengan jumlah pengunjung lokal, jangan jadikan pasar awam ini nanti sebagai tempat untuk melambakkan penjaja-penjaja dari kawasan lain pula.

"Contohnya, pihak berkuasa nak menyusun penempatan penjaja, maka dibina astaka dengan jumlah lot niaga begitu banyak serta tidak berpadanan dengan kapasiti pengunjung, akhirnya banyak lot niaga kosong atau jadi setor," ujarnya sambil mengalu-alukan pihak berwajib mendapatkan maklum balas secara langsung daripada penjaja lokal berhubung cadangan reka bentuk pasar awam di sini.

Pada 1970-an, pasar awam ini dibina di atas tapak berkeluasan 57,440 kaki persegi.

Kira-kira 291 peniaga berlesen ditempatkan di Pasar Awam Bukit Mertajam, tidak termasuk 99 aktiviti perniagaan sokongan lain sekitar kawasan di sini.

Pada 4 Februari 2014, sebahagian struktur pasar raya di tingkat satu Pasar Awam Bukit Mertajam telah hangus terbakar, lalu mendorong pihak berkuasa tempatan (PBT) berhasrat membangunkan semula kawasan komersial itu demi kelangsungan ramai peniaga di bahagian bawah kompleks tersebut.

Susulan itu, MBSP menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan *City of Yokohama*, *Japan International Coorperation Agency* (JICA) dan *Yokohama City University* serta Universiti Sains Malaysia (USM) untuk menjayakan projek kolaborasi kajian reka bentuk bandar Bukit Mertajam dalam tempoh tiga tahun bermula 2016.

Hasil perbincangan bersama serta kajian awalan menemukan bahawa Pasar Awam Bukit Mertajam sebagai simbol pembangunan awal di Bandar Bukit Mertajam dari segi fungsi pembangunan tersebut.


RAHMAH Hassan.

Mengulas lanjut, Rahmah memberitahu bahawa pihaknya berharap meja penjaja daging segar yang ketika ini ada 11 buah supaya dikekalkan dalam reka bentuk baharu pasar awam ini kelak.

"Kalau permintaan pengunjung begitu menggalakkan, semua meja penjual daging di sini mesti dibuka setiap hari.

"Macam hari ini pun, ada beberapa meja penjaja daging segar tidak dibuka, kalau bilangannya tidak dikekalkan pada 11 meja sahaja, ditambah sampai tidak ikut realiti sambutan pengunjung, paling bimbang pasar awam yang dibangunkan semula kelak hanya gah dari aspek seni bina sahaja," ulasnya lanjut.

Rahmah merupakan satu-satunya wanita yang berniaga daging segar di sini, sejak pertengahan 1980-an lagi.

Senada dengan Rahmah, **ISMAIL SAAD**, 52, yang menjalankan aktiviti perniagaan kira-kira lebih dua dekad di Pasar Awam Bukit Mertajam pula berpendapat bahawa pihak berwajib perlu juga menyediakan kemudahan lain berdasarkan keperluan peniaga dan pengunjung di sini.

"Kalau pengunjung datang ke sini seawal 6 pagi atau 6.30 pagi bagi membeli barang-barang basah, kita sudah boleh membayangkan bahawa penjaja mula memunggah barang seawal jam 4 pagi atau 5 pagi, maka sudah tentu memerlukan tempat solat Subuh (surau) yang lebih selesa.

*(Sambungan di muka 6).*


ISMAIL Saad.

(Sambungan dari muka 5).

# Sedia keperluan peniaga dan pengunjung

“Kedua, di rumah-rumah penyembelihan yang dibenarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar memulakan operasi pada 8 pagi hingga 5 petang, jadi daging yang nak dijual pada awal pagi ini mesti diambil sehari sebelum itu dari pusat sembelihan.

“Sekarang, ruang terhad serta tiada kemudahan soket elektrik, (justeru) diharapkan dalam reka bentuk baharu pasar awam ini ada sekurang-kurangnya dua soket elektrik, ruang khas untuk letak peti sejuk beku.

“Perlu ada kemudahan bilik sejuk beku, kemudahan soket elektrik pula mesti boleh menampung operasi memotong daging dan tulang dengan menggunakan mesin,” katanya.

Selain itu, Ismail mencadangkan ruang meja penjaja berkeluasan 6 x 3 kaki diperbesar menjadi 10 x 5 kaki dengan struktur ruang pengudaraan dan pencahayaan yang lebih baik di samping ada kemudahan kipas angin.



HENG Kim Peng.

Berniaga ‘barang-barang kering’ sejak 50 tahun lepas di sini, bagi **HENG KIM PENG**, 72, pula, projek pembinaan semula Pasar Awam Bukit Mertajam paling penting adalah mesra pengunjung.

“Jalan Pasar yang menjadi jalan utama ke sini mesti dinaik taraf juga kena ada sistem parkir yang lebih bagus serta tidak menambahkan kos pengunjung.

“Pasar sementara yang akan dibina dekat tapak lama mahkamah juga perlu memudahkan akses pengunjung, sementara menunggu projek pembinaan semula pasar awam baharu siap di sini,” jelasnya.

Responden terakhir, **NGE SOO HWA**, 60-an pula memberitahu Buletin Mutiara bahawa paling penting bagi sekalian penjaja sedia ada di Pasar Awam Bukit Mertajam selama ini adalah hasil jualan mereka kian meningkat serta tidak terjejas apabila dipindahkan ke tapak jaja sementara nanti.

“Sama ada bangunan asal (Pasar Awam Bukit Mertajam) adalah ikonik bagi bandar ini atau tidak, ia tidaklah sepenting jumlah pengunjung datang serta meningkatkan hasil jualan penjaja kelak.

“Lagipun, dengan kebanjiran warga asing sebagai peniaga, pekerja dan pengunjung, mungkin pasar awam di sini dilihat sebagai ‘Mini Hanoi’ atau ‘Mini Dhaka’… perkara ini perlukan perhatian pihak berkuasa berkaitan.



NGE Soo Hwa.

“Paling membimbangkan, apabila operasi perniagaan dipindahkan ke tapak jaja sementara dekat *‘flyover’* Bukit Mertajam nanti, menjejaskan hasil jualan kasar.

“Kalau tapak pasar sementara itu tidak dibersihkan sebaik mungkin, mempunyai jumlah tapak parkir yang tidak mencukupi, pendapatan saya di sana mungkin terjejas sementara nak siap (projek pembangunan semula) Pasar Awam Bukit Mertajam yang baharu dalam satu atau dua tahun nanti,” ujarnya lagi sambil merakamkan penghargaan kepada Buletin Mutiara kerana cuba mendapatkan maklum balas langsung daripada para pemegang taruh di sini.

Sebelum tarikh saingan idea reka bentuk Pasar Awam ditutup pada 16 Disember tahun lepas, pihak penganjur pertandingan menerima 75 penyertaan dengan syor masing-masing, yang mana 10 pihak telah disenarai pendek dan akan diumumkan sebagai pemenang kelak.

Pemenang tempat pertama hingga ketiga akan diberi peluang untuk mengemukakan cadangan kewangan serta teknikal untuk menjadi perunding bagi pelaksanaan projek pembangunan semula Pasar Awam Bukit Mertajam.



# Dana Pembangunan Belia,
## perkasakan agenda pembangunan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**DANA** sebanyak RM100,000 disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada pertubuhan atau persatuan belia bagi menggerakkan program dan aktiviti sebagai usaha memperkasakan pembangunan golongan berkaitan di negeri ini.

Dana Pembangunan Belia adalah inisiatif MMK Belia, Sukan dan Kesihatan yang memberi peluang kepada pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) atau di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) untuk menganjurkan program atau aktiviti berkaitan belia.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, **DANIEL GOOI ZI SEN** berkata bahawa pihaknya melantik Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) sebagai urus setia bagi permohonan dana tersebut.

"Saya mengalu-alukan semua pertubuhan belia yang berdaftar di Pulau Pinang untuk memohon dana ini yang dapat membantu aktiviti dan program mereka untuk tahun ini.

"Permohonan ini telah dibuka sejak Januari 2024 dan tarikh akhir permohonan adalah pada 31 Mac 2024.

"Dana ini adalah bertujuan untuk menggerakkan program dan aktiviti pada peringkat pertubuhan sebagai usaha memperkasakan agenda pembangunan belia," ujarnya ketika dihubungi baru-baru ini.

Bagi Pengurus Besar PYDC, **DR. GWEE SAI LING** ketika dihubungi berkata, dana yang pertama kali dilancarkan ini adalah khusus untuk pembangunan belia.

"Dana ini adalah sebagai galakan untuk beraktiviti dan dijangka menjana impak sosial yang amat positif dalam kalangan pertubuhan mahupun persatuan belia.

"Saya juga difahamkan bahawa kebanyakan pertubuhan atau persatuan belia, bukan sahaja di Pulau Pinang malah seluruh negara menghadapi kekangan dari segi kewangan.

"(Dan) ini telah mengehadkan penganjuran sesuatu program khasnya membabitkan pembangunan belia.

"Justeru, saya percaya bahawa penyediaan dana ini akan membantu mereka menjayakan agenda pembangunan belia baik untuk ahli masing-masing ataupun untuk kelompok belia yang disasarkan," jelasnya.

Dalam pada itu, **MOHAMAD NAZRI ABDUL LATIFF** menyambut baik inisiatif yang diperkenal Kerajaan Negeri itu.

"Inisiatif ini memberi ruang kepada pertubuhan belia untuk menganjurkan program-program berkaitan kesukarelawan, kepimpinan dan seterusnya memperkasakan agenda pembangunan belia di negeri ini.

"Dana ini juga saya lihat sebagai nilai tambah kepada golongan belia terhadap usaha yang dilakukan pada peringkat Persekutuan.

"Terima kasih juga kepada Exco Belia yang cakna dan sentiasa memberi perhatian terhadap agenda pembangunan belia di Pulau Pinang.

"Saya anggap ini sebagai pengiktirafan terhadap kerja buat aktivis belia dan pada masa depan dana ini dapat dikekalkan atau ditambah, barulah kita dapat melihat negeri ini penuh dengan aktiviti dan program berpersatuan," katanya yang merupakan Pengerusi Gerakan Belia 4B Negeri Pulau Pinang.

Bagi **MUHAMMAD SHAHRIZUL MUIZ**, inisiatif mewujudkan dana untuk pertubuhan belia di negeri ini amat baik.

"Terutamanya kerana kurangnya kerenah birokrasi dan jabatan yang perlu dilalui, segala cadangan dapat diserahkan terus kepada YB Exco untuk diteliti (permohonan).

"Lagipun, dana yang diperuntukkan tidaklah jumlah yang kecil, RM100,000 adalah jumlah yang besar dan boleh dimanfaatkan untuk banyak tujuan.

"Walau bagaimanapun, objektif dana tersebut boleh diperluaskan lagi agar lebih banyak kategori dapat manfaat, mungkin boleh pertimbangkan kategori 'Keusahawanan Belia'," sarannya yang merupakan Pengasas dan Penasihat Malaysian Youth Generation Organisation (MYGO).

Pengerusi Clan-Association Youth Committee Penang, **FRANCIS KHOR** ketika dihubungi berkata, beliau mengalu-alukan inisiatif pemberian dana tersebut.

"Seperti kebanyakan persatuan atau pertubuhan, sumber kewangan adalah terhad.

"Dana untuk mengadakan aktiviti kebiasaan dibiayai oleh persatuan induk atau hasil sumbangan daripada ahli-ahli.

"Memandangkan inisiatif ini khas untuk persatuan belia maka pihak kami akan menguar-uarkan kepada semua ahli gabungan untuk memohon dan membuat perancangan kewangan untuk program dan aktiviti," jelasnya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Young Muslim Sports Club (YMSC), **AHMAD KAMAL ABDUL AZIZ** berpendapat bahawa dana ini membuka peluang dan ruang pembangunan belia secara menyeluruh.



**AHMAD Kamal Abdul Aziz (duduk, dua dari kiri) bersama-sama sayap pemuda Young Muslim Sports Club.**

"Terutamanya pada aspek pembangunan kemahiran belia yang membolehkan anak muda meneroka peluang-peluang kerjaya yang baharu mahupun luar dari bidang pengajian mereka.

"Selain itu, dari segi pertubuhan pula, pastinya memberi peluang untuk kami menganjurkan program dengan lebih efektif dan produktif seiring dengan objektif dan kehendak kerajaan," katanya.

Walau bagaimanapun, beliau berharap agar pihak kerajaan dapat memberi pertimbangan untuk menambah program sukan sebagai salah satu objektif pemberian dana RM100,000 itu.

"Hal ini kerana, sukan merupakan aspek utama yang selalu mendapat perhatian dalam kalangan anak muda," tegasnya.

Antara syarat permohonan adalah :

- Pertubuhan belia berdaftar di bawah ROY atau di bawah ROS atau berdaftar di bawah Akta Parlimen;
- Beralamat di negeri Pulau Pinang;
- Program-program yang dianjurkan bersasarkan belia berumur dari 15-40 tahun dan berasal dari negeri Pulau Pinang;
- Permohonan untuk program yang dianjurkan pada tahun 2024 dan sebelum 15 November 2024;
- Program berbentuk sukan adalah tidak dipertimbangkan.

Difahamkan, skop program dan aktiviti yang dianjurkan mestilah berobjektifkan kemahiran, kebolehpasaran, kesukarelawan, berpersatuan, kepimpinan dan pengiktirafan atau penganugerahan.

Setiap permohonan yang dikemukakan juga mesti disusuli dengan kertas kerja lengkap dan salinan sijil pendaftaran persatuan. Panel Penilaian Dana Pembangunan Belia akan menilai untuk pertimbangan kelulusan dalam tempoh tidak lebih daripada 15 hari bekerja.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi urus setia melalui emel, *dpb@pydc.com.my* atau talian 012-401 0186 (Samantha).



**DANIEL Gooi Zi Sen.**



**GWEE Sai Ling.**



**MOHAMAD Nazri Abdul Latiff.**



**FRANCIS Khor.**

# Kompleks Makanan Medan Renong kini bebas plastik sepenuhnya

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PADANG KOTA -** Kompleks Makanan Medan Renong yang menempatkan kira-kira 50 peniaga menjadi kompleks makanan pertama di negeri ini yang telah melaksanakan inisiatif bebas plastik 100 peratus.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata Kerajaan Negeri amat menghargai kerjasama yang diberikan oleh peniaga-peniaga di kompleks berkenaan dalam menjayakan inisiatif mengurangkan penggunaan beg plastik di negeri ini.

Kompleks Makanan Medan Renong menjadi contoh kepada kompleks makanan lain sama ada milik MBPP atau swasta di negeri ini," katanya semasa berucap pada majlis penghargaan kepada peniaga-peniaga dekat sini 20 Januari lalu.

Turut hadir, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran; Setiausaha Bandaraya MBPP, Sr. Cheong Chee Hong; Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Lau Keng Ee serta Ahli-Ahli Majlis bagi MBPP.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata bahawa inisiatif tanpa plastik yang dimulakan oleh Kerajaan Negeri sejak 2009 perlu diperhebatkan lagi agar



BUMBUNG akan dibina demi keselesaan pengunjung.

"Tahniah dan syabas diucapkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kerana telah melaksanakan inisiatif bebas penggunaan plastik di Kompleks Makanan Medan Renong.

"Terima kasih kepada peniaga-peniaga di sini kerana sudi menyahut inisiatif ini dengan memberikan kerjasama penuh demi memastikan dasar pengurusan sisa pepejal serta inisiatif hijau di negeri ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

"Saya berharap agar Exco Alam Sekitar dapat meneruskan agenda ini kerana inisiatif hijau mempunyai pelbagai cabaran memandangkan ia tidak boleh ditangani dalam kadar segera sebaliknya memerlukan penglibatan masyarakat.

"Oleh itu, saya berharap agar rakyat Pulau Pinang terus berganding bahu membantu Kerajaan Negeri dan MBPP supaya lebih banyak inisiatif hijau yang diperkenalkan dapat dijayakan sepenuhnya," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Pada masa sama, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi turut mengalu-alukan hasrat MBPP untuk membina bumbung di Kompleks Makanan Medan Renong demi keselesaan pengunjung.





ILUSTRASI Kompleks Makanan Medan Renong yang bakal dinaik taraf.



**KETUA Menteri beramah mesra dengan salah seorang peniaga Kompleks Makanan Medan Renong pada majlis penghargaan khas ekoran menjadi kompleks makanan pertama di negeri ini yang telah melaksanakan inisiatif bebas plastik 100 peratus.**

"Diharap agar projek pembinaan bumbung yang menelas kos hampir RM1 juta ini dapat memenuhi kehendak para peniaga supaya masalah yang dihadapi oleh para pengunjung terutamanya ketika cuaca hujan dan panas terik dapat diatasi, malah pada masa sama turut membawa manfaat dan impak besar kepada Medan Renong," ulasnya.

Sementara itu, Rajendran menyatakan bahawa pemilihan Kompleks Makanan Medan Renong berhubung pelaksanaan inisiatif bebas plastik adalah kerana kompleks tersebut merupakan salah satu lokasi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negeri.

"Pada awal tahun 2023 sehingga pertengahan tahun yang sama, MBPP telah berunding dengan peniaga di Medan Renong untuk tidak menggunakan plastik.

"Ini kerana kadar kutipan sampah melibatkan bahan plastik adalah 21 peratus plastik atau 50,000 tan setahun... oleh itu, MBPP merancang untuk tidak membenarkan plastik digunakan di mana-mana tapak penjaja dan premis makanan di negeri ini," jelasnya.

Menyentuh mengenai projek pembinaan bumbung di Kompleks Makanan Medan Renong, beliau memberitahu bahawa projek tersebut dijangka akan dimulakan pada bulan Jun dan siap pada Disember tahun ini.

# Pemasangan bumbung moga dipercepat

RATA-RATA pengunjung yang ditemui Buletin Mutiara menyambut baik inisiatif Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk melaksanakan projek pemasangan bumbung di ruang tengah Kompleks Makanan Medan Renong.



SAFIZAT Saffee.

Pemilik Madira Cafe, **SAFIZAT SAFFEE** ketika ditemui berkata bahawa kebanyakan peniaga di kompleks makanan tersebut sememangnya sudah lama menantikan pengumuman projek pemasangan bumbung sepertimana yang diumumkan oleh Datuk Bandar MBPP baru-baru ini.

Menurut beliau, inisiatif tersebut sudah pastinya akan memberikan lebih keselesaan kepada pengunjung yang bertandang terutamanya ketika keadaan cuaca dilihat tidak menentu.

"Sebagai peniaga, saya memang menyambut baik hasrat pihak MBPP untuk memasang bumbung di kompleks ini kerana sejak sekian lama pengunjung terpaksa berdepan dengan cuaca hujan atau panas ketika menjamu selera di sini.

"Saya jangka selepas adanya kemudahan bumbung nanti kehadiran pengunjung akan bertambah kerana mereka mungkin akan berasa lebih selesa walaupun pada hari cuaca panas atau hujan.

"Apabila jumlah pengunjung meningkat, ini secara tidak langsung akan meningkatkan pendapatan peniaga di sini," ujarnya kepada wartawan, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar **AHMAD ADIL MUHAMAD** ketika ditemui.

Ditanya mengenai inisiatif bebas plastik sepenuhnya seperti yang diumumkan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini, Safizat berkata kebanyakan peniaga menerima perkara itu dengan baik demi kebersihan kawasan sekitar.

"Saya sendiri sekarang tidak lagi menggunakan plastik sebagai tanda sokongan kepada inisiatif tersebut demi menjaga kebersihan kawasan ini.

"Ini kerana jika dilihat banyak sampah-sarap terutamanya daripada bahan plastik di buang di merata-rata yang susah pasti akan mencacatkan pemandangan," ujarnya sambil berharap agar projek tersebut dilaksanakan secepat mungkin.

Nada sama turut disuarakan oleh pemilik Selera Tomyam, **SAKIYAH SALLEH** yang menyifatkan projek pemasangan bumbung di kompleks tersebut sebagai langkah yang tepat demi keselesaan pengunjung.



SAKIYAH Salleh.

"Walaupun keadaan di sini semakin selesa dengan pelbagai penambahbaikan tetapi apabila cuaca hujan, pengunjung terpaksa cari tempat berlindung sebelum sempat menikmati juadah yang mereka pesan.

"Oleh itu, dengan adanya bumbung nanti, pengunjung dapat menikmati juadah mereka tanpa risaukan keadaan cuaca sama ada hujan atau panas dan kami sebagai peniaga sudah pasti merasa gembira apabila pengunjung kami menikmati juadah dengan selesa," ujarnya.

Pemilik kedai mi udang, **MOHD. SUKI ABDUL** pula berkata, walaupun pemasangan bumbung akan sedikit menjejaskan pemandangan di kawasan kompleks tersebut, namun baginya keselesaan pengunjung adalah yang paling utama.

"Sekarang kalau kita dapat lihat pemandangan laut dari arah kompleks makanan ini nampak lebih cantik dan terbentang luas dan apabila bumbung dipasang nanti pemandangan mungkin



MOHD. Suki Abdul.

ini mungkin sedikit terjejas oleh struktur tiang yang akan turut dibina.

"Walau bagaimanapun, kami sebagai peniaga lebih mementingkan keselesaan para pengunjung terutamanya jika berlaku hujan lebat," katanya.

Mengenai inisiatif bebas plastik pula, Mohd. Suki berkata dia sememangnya sudah lama menghentikan penggunaan bahan itu sebagai tanda sokongan kepada seruan Kerajaan Negeri yang mahu menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri bersih dan hijau.

"Kalau ada pelanggan yang mahu membungkus makanan, saya akan gunakan kotak kertas tetapi kebanyakan pelanggan memilih untuk makan di sini kerana mi udang kurang sedap kalau dibungkus.

"Oleh itu, inisiatif bebas plastik tidak akan menjejaskan perniagaan saya sebaliknya saya gembira kerana dapat memenuhi saranan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan penggunaan beg plastik," jelasnya.

Sementara itu, bagi pengunjung **NUR AINA FARHANA RAMLI** bersama-sama dua lagi rakannya **NUR NATASYA ELLYANA ROSLAN** dan **NUR SYANANI SABRI** turut menyambut baik inisiatif pemasangan bumbung di Kompleks Makanan Medan Renong.

Menurut Nur Aina, pemasangan bumbung bukan sahaja dapat melindungi pengunjung daripada cuaca panas dan hujan tetapi juga najis burung.

